

POVIL ANTACID MIXTURE

Aluminium Hydroxide 400mg, Magnesium Hydroxide 400mg

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Povil Antacid Mixture
2. Bagaimana Povil Antacid Mixture berfungsi
3. Sebelum mengambil Povil Antacid Mixture
4. Cara mengambil Povil Antacid Mixture
5. Semasa mengambil Povil Antacid Mixture
6. Kesan Sampingan
7. Cara Penyimpanan dan Pelupusan Povil Antacid Mixture
8. Deskripsi Produk

Apakah kegunaan Povil Antacid Mixture

Povil Antacid Mixture digunakan untuk melegakan kesakitan gastrik dan ketidakselesaan ulser peptik, ketidakhadaman, pedih hati dan asid refluks.

Bagaimana Povil Antacid Mixture berfungsi

Povil Antacid Mixture mengandungi Aluminium Hidroksida dan Magnesium Hidroksida yang boleh bertindak balas dengan asid hidroklorik dalam perut dan menukarnya kepada garam klorida masing-masing. Mereka mengurangkan keasidan perut dengan meneutralkan asid gastrik yang dirembeskan. Peningkatan pH gastrik dan penurunan pengeluaran pepsin membantu dalam penyembuhan ulser peptik.

Sebelum mengambil Povil Antacid Mixture

Bila tidak boleh mengambil
Jangan mengambil produk ini jika anda alergi (hipersensitiviti) terhadap Aluminium Hidroksida dan Magnesium Hidroksida atau bahan-bahan lain yang terkandung dalam produk ini. Produk ini tidak sesuai untuk pesakit yang mengalami kelemahan dan gangguan fungsi buah pinggang.

Sebelum mula mengambil

Produk ini harus diberi dengan perhatian kepada mereka yang kelemahan buah pinggang.

Jika mengambil ubat- ubatan lain

Produk ini mungkin mengganggu atau mengurangkan penyerapan Digosin, Indomethacin, Isoniazid, sediaan garam ferum dan Tetracyclines. Oleh itu, antasid tidak boleh diambil bersama ubata-ubatan tersebut dalam masa 2 jam kerana keberkesanan ubat-ubatan itu mungkin terjejas.

Cara mengambil Povil Antacid Mixture

Berapa banyak harus digunakan
Dewasa dan kanak-kanak melebihi 12 tahun:
Ambil 10ml hingga 20ml, 4 kali sehari.

Bila perlu diambil

Ambil seboleh-bolehnya ½ jam sebelum makan atau 2 jam selepas makan dan sebelum tidur atau mengikut arahan doktor.

Berapa lama perlu diambil

Sila mengikut nasihat doktor atau ahli farmasi.

Jika terlupa mengambil

Jika anda terlupa ambil Povil Antacid Mixture, ambilkannya apabila anda teringat. Jangan cuba beri dos berganda untuk menggantikan dos yang terlepas.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Tiada maklumat yang terlebih dos dilaporkan.

Semasa mengambil Povil Antacid Mixture

Perkara yang perlu dilakukan
Periksa dengan doktor anda jika simptom berlarutan atau bertambah teruk.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan ambil ubat ini untuk keadaan lain kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Produk ini harus diberi dengan perhatian kepada mereka yang kelemahan buah pinggang.

Pemberiannya pada wanita hamil perlu diberi perhatian.

Jauhkan daripada capaian kanak-kanak.

Kesan Sampingan

Kadang-kala antasid boleh menyebabkan masalah sembelit atau cirit-birit.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (Consumer → Reporting).

Cara Penyimpanan dan Pelupusan Povil Antacid Mixture

Penyimpanan

- Simpan di bawah 30°C.
- Jauhkan daripada cahaya dan kelembapan.
- Ketatkan penutup selepas guna.

Pelupusan

Jangan ambil ubat ini selepas tarikh luput. Tarikh luput selalunya dicetak pada label dan kotak ubat.

Deskripsi Produk

Rupa dan warna produk

Povil Antacid Mixture ialah cecair berwarna putih. Ia boleh didapati sama ada dalam perisa peppermint atau blackcurrant.

Bahan-bahan kandugan aktif

Setiap 10ml mengandungi Aluminium Hidroksida 400mg dan Magnesium Hidroksida 400mg.

Bahan-bahan kandungan lain ialah

Titanium dioksida, Sukralos, Xantham Gum, Larutan Sorbitol 70%, Perisa Blackcurrant, Perisa Tutti-frutti, Perisa Peppermint dan Air Tulen.

Povil Antacid Mixture (Blackcurrant)

MAL No.: MAL15045144X

Povil Antacid Mixture (Peppermint)

MAL No.: MAL15045146X

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

WINWA MEDICAL SDN. BHD.

1952, Lorong I.K.S. Bukit Minyak 3, Taman I.K.S. Bukit Minyak, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

16 Februari 2017